

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [ MAS GADING ]**

**SOALAN NO. 301**

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pengambilan pelajar ke IPTA untuk peringkat ijazah sarjana muda berdasarkan kategori Bumiputera, Cina, India, kaum lain-lain dan bukan warganegara dari tahun 1980 hingga 2018, dengan pecahan setiap tahun.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mengamalkan prinsip meritokrasi yang mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum di dalam pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan institut latihan kemahiran awam (ILKA). Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon.

## **NO. SOALAN: 301**

Permohonan kemasukan melalui UPUOnline untuk calon STPM/ Setaraf hanya terbuka kepada Warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap yang mempunyai No. Kad Pengenalan/My Kad sahaja. Permohonan yang bukan warganegara Malaysia boleh memohon terus kepada Universiti yang dipilih.

Bagi tempoh lima (5) tahun (2014 hingga 2018), purata seramai 43,352 orang calon lepasan STPM/ Matrikulasi / Asasi telah ditawarkan tempat pengajian dengan pecahan 75% (32,427 orang ) Bumiputera, 17% (7,571 orang) Cina dan 8%(3,355 orang) India dan lain-lain.

RT40/301

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR**  
**[JERLUN]**

**SOALAN NO. 301**

**Y.B. DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [ JERLUN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan tindakan yang dirangka oleh Kementerian untuk membantu Kerajaan Negeri Kedah menjayakan projek Kedah Rubber City di daerah Padang Terap. Mohon dinyatakan :-

- (a) bentuk bantuan atau sokongan dana, atau teknikal yang akan disediakan; dan
- (b) strategi untuk mengukuhkan sektor getah termasuk skim galakan untuk industri huluan dan hiliran bagi menjamin daya maju projek KRC.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan melalui NCIA sedang giat melaksanakan projek KRC pada masa ini. Antara aktiviti yang sedang dan akan dilaksanakan termasuklah penyediaan infrastruktur asas serta kerja-kerja pembangunan infrastruktur telekomunikasi. Di samping itu, Kementerian Kewangan juga telah meluluskan Insentif Cukai Khas atau dikenali sebagai *NCER Special Tax Incentives Package (NTAX)* khusus untuk pelabur-pelabur yang akan melabur di KRC dan telah pun mula berkuatkuasa pada Januari 2015. NTAX disasarkan untuk menarik pelabur-pelabur dan syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa yang berada di industri peringkat pertengahan (*midstream*) dan industri hiliran (*downstream*) yang berasaskan getah. Pembangunan Fasa 1 dijangka siap pada tahun 2021 dan keseluruhan pembangunan KRC dijangka akan siap pada tahun 2025. KRC dijangka akan mewujudkan lebih kurang 15,000 peluang pekerjaan.

Kementerian Kewangan melalui Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) selaku pelaksana projek KRC sedang berbincang bersama pihak Lembaga Getah Malaysia dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) bagi mengenal pasti kawasan serta pekebun-pekebun kecil yang akan terlibat dalam program perintis pengeluaran lateks di negeri Kedah.